

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN OLAHRAGA MSSD KUBANG PASU KALI KE-38 2025.

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan-Peraturan Am, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan Peraturan-Peraturan Pertandingan, Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Kedah.

2. ACARA-ACARA, UKURAN-UKURAN DAN BERAT PERALATAN PERTANDINGAN

KOD ACARA	ACARA	LELAKI					PEREMPUAN				
		18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB	18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB
1	100 meter	X	X		X	X	X	X		X	X
2	200 meter	X	X		X		X	X		X	
3	400 meter	X	X	X			X	X	X		
4	800 meter	X	X				X	X			
5	1000 meter				X					X	
6	1500 meter	X	X	X			X	X	X		
7	3000 meter (T)	X					X				
8	80 meter Lari Berpagar				X 0.762 m		-	-		X 0.762 m	
9	100 meter Lari Berpagar						X 0.762 m	X 0.762 m			
10	110 meter Lari Berpagar	X 0.914 m	X 0.838 m				-	-			
11	200 meter Lari Berpagar		X 0.838 m				-	X 0.762 m			
12	400 meter Lari Berpagar	X 0.838 m					X 0.762 m	-			
14	3000 meter Jalan kaki		X				X	X			
15	5000 meter Jalan kaki	X									
16	Lompat Tinggi	X	X		X	X	X	X		X	X
17	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
18	Lompat Kijang	X	X				X	X			
19	Melontar Peluru	X 5.00 kg	X 4.00 kg		X 2.72 kg	X 2.00 kg	X 3.00 kg	X 3.00 kg		X 2.72 kg	X 2.00 kg
20	Melempar Cakera	X 1.50 kg	X 1.00 kg	X 1.00 kg			X 1.00 kg	X 1.00 kg	X 1.00 kg		
21	Merejam Lembing	X 700 g	X 600 g				X 500 g	X 500 g			
22	Baling Tukul Besi	X Terbuka (5.00 kg)					X Terbuka (3.00 kg)				
23	4 X 100 m	X	X		X		X	X		X	
24	4 X 200 m				X					X	
25	4 X 400 m	X	X				X	X			

2.1 Kod 8: Acara 80 meter Lari Berpagar

Bil. Pagar	Tinggi Pagar	Pagar 1 Dari Garisan Permulaan	Pagar Ke Pagar	Pagar 8 Ke Garisan Penamat
8	0.762 meter	12.0 meter	8.0 meter	12.0 meter

2.2 Kod 11 : **Acara 200 meter Lari Berpagar**

Bil Pagar	Tinggi Pagar	Pagar 1 Dari Garisan Permulaan	Pagar Ke Pagar	Pagar 8 ke Garisan Penamat
5	0.838 M(15L)	20 METER	35 METER	40 METER
5	0.762 M(15P)	20 METER	35 METER	40 METER

2.3 Acara 2000m Lari Berhalangan & Jalan Kaki (**TIDAK DITAWARKAN PADA TAHUN INI**)

- 2.3.1 Lompat Pagar : 18 kali
 2.3.2 Lompat Air : 05 kali
 2.3.3 Lompat Air ialah lompatan yang kedua dalam pusingan pertama dan kemudiannya lompatan yang keempat dalam setiap pusingan yang berikutan.
 2.3.4 Ketinggian pagar Halangan : **0.914m (18L) 0.762m (Perempuan Terbuka/15L)**

2.4 Kod 14 : Acara 3000 meter jalan kaki & Kod 15: Acara 5000 meter jalan kaki

- 2.4.1 Had masa kelayakan akan ditetapkan seperti berikut:
 - Acara 3000 meter jalan kaki (15L, 18P, 15P) : **30 minit**
 - Acara 5000 meter jalan kaki (18L) : **45 minit**
 2.4.2 Jika atlet tidak berjaya menghabiskan acara dalam tempoh masa tersebut, maka larian atlet tersebut akan ditamatkan.

2.5 Kod 24 : Acara 4 x 200 meter

- 2.5.1 **Pelari Pertama** akan berlari di lorong sendiri dan bermula di garisan 1 ½ stagger seperti pelari pertama dalam acara 4 x 400 meter.
 2.5.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan 1 stagger.
 2.5.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger seperti pelari kedua dalam acara 4 x 400 meter. Selepas menerima baton, pelari ketiga akan berlari di lorong masing-masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya memotong masuk ke lorong pertama.
 2.5.4 **Pelari Akhir** hendaklah beratur mengikut urutan senarai permulaan dari dalam ke luar.

2.6 Acara Padang

- 2.6.1 Jika bilangan peserta melebihi 12 orang, maka had kelayakan akan dibuat. (*Lampiran*)

3. HADIAH

- 3.1 Acara individu sehingga 1500 meter - Pertama, Kedua, Ketiga.
 3.2 Acara individu 3000 meter dan lebih - Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima
 3.3 Acara pasukan - Lima pingat untuk pasukan yang mendapat tempat Pertama, Kedua, Ketiga.

4. KELAYAKAN

- 4.1 Pelajar-pelajar yang bersekolah sepenuh masa di sekolah rendah dan menengah yang berdaftar dan bergabung dengan MSSK adalah layak untuk menyertai pertandingan ini.
- 4.2 Pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM atau sedang menunggu kemasukan ke Tingkatan Enam Rendah (Pra U 1) **TIDAK LAYAK** menyertai pertandingan ini.
- 4.3. Jika timbul kekeliruan Peratruran-Peraturan AM Yang menguasai Kejohanan MSS Kedah adalah dirujuk.
- 4.4. Untuk tahun 2025, Pelajar yang telah mendaftar ke Tingkatan 6 Rendah adalah **LAYAK** menyertai pertandingan dengan syarat mengemukakan **SURAT TAWARAN KPM DAN SURAT PENGESAHAN PENDAFTARAN TINGKATAN 6 RENDAH YANG DISAHKAN OLEH PENTADBIR SEKOLAH BERKENAAN.**

5. PENDAFTARAN PENYERTAAN

- 5.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta bagi acara individu dan satu (1) pasukan bagi acara lari berganti-ganti.
- 5.2 Bilangan **maksimum** penyertaan **seseorang peserta** adalah seperti berikut:

KUMPULAN UMUR	ACARA INDIVIDU	LARI BERGANTI-GANTI
18 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2 acara
15 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2 acara
13 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2 acara
12 TKB	2 acara	2 acara
10 TKB	1 acara	-

- 5.3 Acara TERBUKA hanya boleh disertai oleh peserta-peserta yang berumur 12 tahun atau lebih pada 1 Januari 2025
- 5.4 Seseorang peserta hanya dibenarkan bertanding dalam **SATU** kumpulan umur sahaja.

6. PENDAFTARAN PESERTA

- 6.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada atau sebelum **8 JUN 2025, 5.00 PETANG** melalui SISTEM KEJOHANAN rasmi yang disediakan. Semua butiran yang perlu hendaklah diisi sepenuhnya dan hendaklah disahkan oleh Guru Besar dan Pengetua sekolah masing-masing. "Hard Copy" yang telah lengkap hendaklah dihantar bersama kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan
 Kejohanan Olahraga MSSD
 Kubang Pasu Ke-38, 2025
 d/a SMK TANJUNG PAUH
 06000 Jitra, Kedah Darul Aman.
 H/p: **01115343661**
 E-mel: **hjhasbullah72@gmail.com**

- 6.2 Bagi semua peserta 15 tahun ke bawah dan 18 tahun ke bawah, kad pengenalan adalah WAJIB dibawa sebagai pengesahan rasmi. Surat akuan, Surat Sumpah TIDAK AKAN DITERIMA. (Peraturan Am Perkara 4 MSSM).

7. PELAJAR PUSAT SUKAN NEGERI

7.1 Pelajar Sekolah Sukan Negeri

- 7.1.1 Pelajar sekolah rendah dan menengah dalam daerah Kubang Pasu yang ditawarkan ke sekolah Sukan Negeri **tidak boleh** mewakili sekolah 'feeder' masing-masing dalam pertandingan peringkat MSSD Kubang Pasu. Sekiranya pelajar terbabit ditawarkan ke SSN pada tingkatan 2, maka dibenarkan dan layak mewakili sekolah mula mendaftar di tingkatan 1 dahulu. (feeder)
- 7.1.2 Sekiranya seseorang pelajar mewakili sekolah lain atau dari daerah lain mewakili mana-mana sekolah **TANPA KEBENARAN** dari daerah asal, maka beliau **TIDAK DIBENARKAN** bertanding di Kejohanan MSSD dan tindakan disiplin akan diambil terhadap pelajar dan sekolah berkenaan.
- 7.1.3 Pelajar yang memasuki semula sekolah harian dari Sekolah Sukan Malaysia / Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili daerah / sekolah terkini pelajar berkenaan sedang belajar. (Rujuk Peraturan MSSM 3.1.1.4)

8. PENGESAHAN PESERTA-PESERTA

8.1 Penarikan Diri Semasa Kejohanan.

- 8.1.1 Maklumat tentang penarikan diri semasa kejohanan dijalankan hendaklah disampaikan kepada Pengelola Peserta dan Pengurus Kejohanan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum sesuatu acara itu dimulakan seperti yang tercatat dalam susunan acara.
- 8.1.2 Seseorang peserta yang telah disahkan penyertaan semasa mesyuarat Pengurus Pasukan, tidak dibenarkan menarik diri. Jika ini berlaku, peserta berkenaan **TIDAK DIBENARKAN** menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit / cedera daripada Pegawai Perubatan.
- 8.1.3 Seseorang peserta yang menarik diri tanpa sebab, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 8.1.4 Seseorang peserta menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya di dalam acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kepada Pengurus Kejohanan.
- 8.1.5 Peserta yang tidak mengalami kecederaan dan layak bertanding dipusingan akhir, tidak dibenarkan menarik diri. Sekiranya berbuat demikian, penyertaan mereka dalam acara-acara selanjutnya akan dibatalkan. Keputusan Pengurus Kejohanan adalah muktamad.

9. MELAPOR DIRI PESERTA

- 9.1 Semua peserta hendaklah melaporkan diri 30 minit bagi acara balapan dan 45 minit bagi acara padang sebelum acara berkenaan berlangsung. Selepas itu mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta.
- 9.2 Peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan.
- 9.3 Hebahan tentang peserta-peserta untuk melaporkan diri **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di papan kenyataan di tempat Pengelola Peserta. Hebahan hanya dibuat sekiranya terdapat pindaan dalam susunan atur cara kejohanan.

- 9.4 Semasa melaporkan diri peserta hendaklah berpakaian kemas dan nombor peserta hendaklah dipinkan di setiap sudut nombor berkenaan di baju peserta. Peserta yang gagal melekatkan nombor di bajunya, tidak akan dibenarkan bertanding.

10. PEMBATALAN ACARA

- 10.1 Semua acara yang didaftarkan akan dipertandingkan.
10.2 Acara yang kurang dari DUA (2) orang peserta atau pasukan tidak akan dipertandingkan.

11. BLOK PERMULAAN

- 11.1 Blok permulaan (*Starting Block*) dan mulaan dekam (*crouch start*) bagi acara di bawah MESTI digunakan untuk semua kategori **kecuali** 10 Tahun Ke Bawah Lelaki / Perempuan bagi acara 100m, 200m, 400m 4x100m, 4x400m.

12. PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

- 12.1 Paku kasut (*Spikes*)
- 12.1.1 Paku spikes yang dibenarkan ialah tidak melebihi 9mm.
12.1.2 Paku spike untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing tidak boleh melebihi 12mm.

13. LARI BERGANTI-GANTI

- 13.1 Selepas memberi baton (*change over*) peserta-peserta hendaklah berada dalam lorong masing-masing sehingga pertukaran baton selesai supaya tidak mengganggu peserta lain.
- 13.2 Semua peserta tidak dibenarkan membaling atau melambung baton selepas tamat sesuatu larian. Peserta/pasukan tersebut akan dibatalkan jika referi balapan mengesahkannya.
- 13.3 Sebarang tanda yang dibuat bukannya dari bahan yang kekal dan boleh mengganggu peserta lain.
- 13.4 4 x 200 m
- 13.3.1 **Pelari Pertama** akan gunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1 ½ stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 x 400 m.
- 13.3.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan satu stagger yang akan disediakan
- 13.3.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 x 400 m). Selepas menerima baton daripada pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing-masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.
- 13.3.4 **Pelari Akhir** akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut "*start list*", dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain.

14. PACING DAN BERSORAK DARI GELANGGANG

- 14.1 Semua peserta atau pegawai **tidak dibenarkan** bersaing (*pacing*) dengan mana-mana peserta yang sedang berlari. Jika berlaku, peserta tersebut akan **DIBATALKAN**.

15. UKURAN TINGGI PERMULAAN

15.1 Ukuran tinggi permulaan bagi acara Lompat Tinggi ialah :

KELAS	LELAKI	PEREMPUAN	Penambahan Ketinggian (cm)
1L & 1P (18 TKB)	1.50 meter	1.25 meter	5,5,5,4,4,4,3,3,3,2,2,2
2L & 2P (15 TKB)	1.35 meter	1.20 meter	5,5,5,4,4,4,3,3,3,2,2,2
3L & 3P (12 TKB)	1.15 meter	1.05 meter	5,5,5,4,4,4,3,3,3,2,2,2
4L & 4P (10 TKB)	1.05 meter	1.00 meter	5,5,5,4,4,4,3,3,3,2,2,2

16. PAPAN LONJAKAN LOMPAT KIJANG

16.1 Jarak papan lonjakan dari kawasan mendarat adalah seperti berikut:

KELAS	LELAKI	PEREMPUAN
18 TKB	13 meter / 11 meter	7 meter / 9 meter
15 TKB	11 meter / 9 meter	7 meter / 9 meter

17. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

17.1 **Hadiah Peserta Terbaik – Hadiah yang disediakan ialah :**

- 17.1.1 Peserta Terbaik Kelas 3 lelaki dan perempuan.
- 17.1.2 Peserta Terbaik Kelas 2 lelaki dan perempuan.
- 17.1.3 Peserta Terbaik Kelas 1 lelaki dan perempuan.
- 17.1.4 Hadiah-hadiah peserta terbaik akan diberi kepada peserta berdasarkan **pemecah rekod baru** berstatus (ikut ranking kejohanan) Kejohanan MSS Asean, MSSM, MSSK dan **jumlah rekod yang diperbaharui dengan mengambilkira bilangan pingat emas, perak dan gangsa. Sekiranya kedudukan sama usia rekod diambil kira.**
- 17.1.5 Sekiranya tiada rekod dicipta, jumlah pingat emas atau pingat perak atau pingat gangsa dalam acara individu diambil kira.
- 17.2.6 Sekiranya pungutan pingat emas masih sama, pungutan pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu diambil kira.
- 17.2.7 Sekiranya kedudukan masih sama juga, keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata IAAF bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta

17.3 **Olahragawan / Olahragawati Kejohanan**

- 17.3.1 Hadiah ini diberi kepada seorang peserta lelaki dan seorang peserta perempuan yang paling baik pencapaiannya daripada peserta terbaik dari kategori 12 TKB, 15 TKB, 18 TKB lelaki dan perempuan (Perkara 17.2.5, 17.2.6, 17.2.7 dan 17.2.8 adalah dirujuk)

17.4 **Johan Keseluruhan**

- 17.4.1 Johan keseluruhan akan ditentukan berdasarkan pungutan pingat emas terbanyak yang dimenangi dalam semua kategori pertandingan.
- 17.4.2 Jika seri, kiraan berikut diambil kira :
 - 15.4.2.1 Pingat perak terbanyak
 - 15.4.2.2 Pingat gangsa terbanyak
- 17.4.3 Jika masih seri. Johan Keseluruhan Bersama akan diberikan kepada sekolah-sekolah atau Zon terlibat.

18. PENENTUAN KE ACARA AKHIR

- 18.1 **Empat (4) Separuh Akhir**
Pemenang setiap separuh akhir dan empat (4) pencatat masa terpanjang akan layak memasuki Peringkat Akhir
Tiga (3) Separuh Akhir
Dua (2) peserta pemenang dan dua (2) peserta yang mencatat masa yang terbaik bagi ketiga-tiga separuh akhir layak ke Peringkat Akhir
Dua (2) Separuh Akhir
Tiga (3) peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik daripada kedua-dua separuh akhir layak ke Peringkat Akhir
- 18.2 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatat masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan (di 18.1), maka penentuan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Pengurus Kejohanan.
- 18.3 Pengundian lorong akan dijalankan mengikut peraturan 166.3 KOM/IAAF

19. BANTAHAN

- 19.1 Bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan 147 KOM, kecuali perkara-perkara di bawah :
 - 19.1.1 Jika masalah berkenaan kelayakan seseorang peserta tidak dapat diselesaikan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada Juri Rayuan.
 - 19.1.2 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan tidak lewat daripada :
 - 19.1.2.1 Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal.
 - 19.1.2.2 Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.
- 19.2 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja). **Sekiranya bantahan ditolak, wang pertaruhan tidak akan dikembalikan.**

20. NOMBOR, HURUF DAN WARNA PASUKAN

- 20.1 Nombor, huruf dan warna pasukan adalah seperti yang diguna pakai sebelum ini.
- 20.2 Ukuran nombor ialah tinggi 10cm dan tebal 1cm. Nombor hendaklah dibuat di atas **kain putih** atau **plastik banner**. Huruf hendaklah dicetak dengan **warna merah** dan nombor dicetak dengan **warna hitam**.
- 20.3 Semua peserta dikehendaki memakai **baju yang sama** (termasuk warna dan corak) mengikut pasukan masing-masing bagi acara berpasukan.
- 20.4 Peserta yang tidak memakai warna pasukan **boleh** dibatalkan penyertaannya.

21. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 21.1 Semua acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik Olahraga MSSD, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pindaan, semua pengurus pasukan akan diberitahu.
- 21.2 **Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-Undang KOM, Peraturan-Peraturan Am MSSM atau Peraturan-Peraturan Pertandingan, Kejohanan Olahraga MSSD 2025.**
- 21.3 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan atau kemalangan yang berlaku semasa pertandingan dijalankan, meskipun langkah-langkah keselamatan telah dibuat untuk mengelakkannya.
- 21.4 Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan barang-barang kepunyaan peserta-peserta atau pegawai-pegawai di mana-mana sahaja semasa kejohanan ini dijalankan.

22. HAL-HAL LAIN

- 22.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Orang yang tidak berkenaan DILARANG masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 22.2 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian tidak seorang pun dibenarkan masuk ke arena pertandingan kecuali dengan kebenaran Pengurus Kejohanan.

*** Tertakluk kepada perubahan yang akan diberitahu kemudian.**